

Newspaper	Berita Harian
Date	20/09/2012

## Banyak masalah jika rakyat tukar kerajaan: Dr M

BH-20/9/2012

**Kuala Lumpur:** Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, negara akan berdepan pelbagai masalah jika rakyat mengambil risiko menukar kerajaan pada pilihan raya umum akan datang.

Bekas Perdana Menteri berkata, pemerintahan pakatan pembangkang di beberapa negeri sudah menunjukkan banyak masalah dan tidak menampakkan kesepakatan antara mereka.

"Itulah sebabnya mereka sentiasa ada masalah, termasuk dalam melaksanakan undang-undang hudud.

"Karpal Singh (Pengerusi DAP) dan (Datuk) Nik Aziz (Nik Mat) pun akan bertelingkah sesama sendiri bila mereka ambil alih kerajaan... seorang cakap potong tangan, seorang kata jangan potong.

### **Perbalahan berterusan**

"Maka Parlimen akan dipenuhi dengan perbalahan dalam isu ini dan masa depan akan jadi tidak begitu baik," katanya ketika menyampaikan ucapan pada Forum Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 2012 anjuran Yayasan Kepimpinan Perdana di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata, bagi memastikan pentadbiran negara lancar dengan fokus terhadap pembangunan, Barisan Nasional (BN) perlu dikekalkan dengan kemenangan majoriti dua pertiga pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13).